

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN
YANG TELAH DIODIT**

BAGI

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
TAHUN 1977**

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN PERTANIAN**

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

PENDAHULUAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ialah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian yang ditubuhkan pada bulan September, 1965 di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965. Hasil-hasil pertanian yang ditanggungjawabkan kepada FAMA ialah semua hasil-hasil pertanian kecuali getah, kelapa sawit, nenas, padi dan beras, ikan, ternakan dan tembakau.

I. PENTADBIRAN

Ahli-ahli Lembaga 1977

2. Lembaga sebagaimana yang tercatat di bawah Seksyen IV Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, mempunyai 13 orang Ahli iaitu terdiri dari Pengerusi, Ketua Pengarah dan 11 orang Ahli-ahli lain yang terdiri dari 6 orang Ahli Resmi dan 5 orang Ahli Tidak Resmi dilantik oleh Y.B. Menteri Pertanian.

Ahli-ahli Resmi

1. Pengerusi Lembaga – Y.B. Datuk Ishak bin Hj. Patah Akhir
2. Ketua Pengarah – Encik Abdul Rahman bin Hj. Yusof, JSM, AMN
3. Wakil Perbendaharaan – Encik Jaafar bin. Mat
4. Wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian – Encik Ahmad bin Saadi
5. Wakil Kementerian Pertanian – Puan Nuraizah binti Abdul Hamid
6. Wakil Bahagian Pertanian, Kementerian Pertanian – Y.B. Datuk Hj. Khalid bin Abdul Rahman
7. Wakil Kementerian Perusahaan Utama – Encik Ismail bin Hj. Ahmad
8. Wakil Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri – Puan Faizah binti Mohd. Tahir

Ahli-ahli Tidak Resmi

1. Y.B. Encik Lat bin Kassim
2. Y.B. Encik Osman bin Aroff
3. Y.B. Dato' Hj. Abdullah bin Hj. Sudin
4. Encik Jaafar bin Mat
5. Encik Wan Lokman bin Datuk Wan Ibrahim

3. Sepanjang tahun 1977 Lembaga telah bersidang sebanyak 3 kali dan Jawatankuasa Perjawatan Lembaga telah bersidang sebanyak 5 kali dan Jawatankuasa Kewangan pula ialah 3 kali.

4. Ahli-ahli Jawatankuasa Perjawatan adalah seperti berikut:—

1. Ketua Pengarah FAMA
2. Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam
3. Wakil Kementerian Pertanian
4. Wakil Perbendaharaan
5. Y.B. Encik Lat bin Kassim

5. Ahli-ahli Jawatankuasa Kewangan adalah seperti berikut:—

1. Ketua Pengarah FAMA
2. Wakil Kementerian Pertanian
3. Puan Faizah binti Mohd Tahir (EPU)
4. Wakil Perbendaharaan
5. Y.B. Datuk Hj. Abdullah bin Hj. Sudin

6. Organisasi Lembaga dalam tahun 1977 adalah seperti dalam gambar rajah Carta Lembaga di Lampiran I.

Jawatan Yang Diluluskan Dalam Tahun 1977

7. Nama jawatan dan bilangan jawatan yang diluluskan di dalam tahun 1977 adalah seperti berikut:—

a. Kumpulan Pengurusan dan Iktisas	Bilangan
Ahli Ekonomi Pertanian	1
b. Kumpulan Kerja dan Separuh Iktisas	
Merinyu Pemasaran	2
c. Kumpulan Perkeranian dan Teknik	
Penyimpan Kira-Kira	1
Kerani	1
	<hr/>
Jumlah	5

Bilangan Jawatan Kakitangan Lembaga Dalam Tahun 1977

8. Jumlah bilangan kakitangan Lembaga dalam tahun 1977 ialah seramai 228. Pecahan mengikut kumpulan jawatan adalah seperti berikut:—

Kumpulan	Bil. Kakitangan.
A	48
B	46
C	115
D	19
	<hr/>
	Jumlah
	<hr/> <u>228</u> <hr/>

Kegiatan Pentadbiran

9. Dalam tahun ini Lembaga telah mengisi 32 jawatan kosong iaitu 5 jawatan bagi kumpulan A, 9 bagi kumpulan B, 13 bagi kumpulan C dan 5 bagi kumpulan D.

10. Pengambilan kakitangan juga diadakan di peringkat projek untuk keperluan kakitangan pusat memproses kelapa kering di Bachok (Kelantan), Rengit (Johor) dan pusat-pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian di Tanjong Karang (Selangor). Pengambilan kakitangan ini meliputi Pengurus Kilang, Penyelia dan Buruh.

11. Seramai 6 orang kakitangan Lembaga telah meletakkan jawatan sepanjang tahun ini, iaitu 2 dari kumpulan A, 1 dari kumpulan B dan 3 dari kumpulan C.

12. Lembaga telah menghantar seorang Pegawai untuk mengikut kursus sarjana di Hawaii dibawah Biasiswa Fulbright. Seorang lagi Pegawai yang telah dihantar pada tahun 1976 ialah untuk mengikut kursus sarjana di Asian Institute of Management, Manila, telah menamatkan kursus dengan jaya dan memulakan tugas semula dengan Lembaga. Seorang lagi Pegawai telah dipilih untuk mengikut kursus jangka pendek di dalam bidang pemasaran di Australia. Walaupun kursus-kursus luar negeri untuk Bahagian I adalah memuaskan tetapi bagi kakitangan Bahagian II seperti Merinyu Pemasaran dan Pembantu Penyelidik adalah sangat berkurangan. Disamping tahun ini Lembaga telah mencalonkan Pegawai Bahagian II untuk mengikut kursus ke luar negeri. Permohonan mereka telah tidak berjaya.

13. Disamping kursus di luar negeri, Lembaga telah menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan latihan yang ditawarkan oleh institusi tempatan seperti MIM, INTAN dan NPC untuk semua peringkat. Walaubagaimana pun institusi tempatan ini tidak dapat memenuhi keperluan bagi Pegawai-pegawai Bahagian III. Lembaga telah mengelolakan program-program latihan sendiri terutamanya di bidang penguatkuasaan. Dalam tahun ini juga Lembaga terus menghantar Pegawai-pegawai mengikut kursus di-luar kampus di USM sebagai sebahagian daripada rancangan untuk mereka memperbaiki diri sendiri.

14. Lembaga juga memberi kemudahan-kemudahan latihan kepada penuntut-penuntut UPM, dan Politeknik Ungku Omar, dengan tujuan memberi latihan amali kepada penuntut di dalam bidang pemasaran pertanian.

15. Di dalam tahun ini, Skim Tangga Gaji Kabinet telah dilaksanakan, Semua kakitangan Lembaga telahpun menerima gaji baru. Walau bagaimanapun terdapat beberapa aspek daripada Sekim tersebut yang perlu diperbetulkan dan telahpun dihantar kepada JPA untuk dipertimbangkan. Lembaga juga bercadang untuk menempatkan kakitangan pusat-pusat memproses Lembaga di bawah Skim Tangga Gaji Kabinet. Perbincangan mengenai ini masih belum selesai. Pada masa ini kakitangan kilang adalah di bawah skim gaji yang dibayar oleh sektor swasta. Keadaan ini menimbulkan perasaan tidak puas hati, di mana skim ini tidaklah sebaik Sekim Kabinet.

16. Skim Perpustakaan yang dilancarkan pada tahun 1976 di mana meliputi perpustakaan kecil di peringkat negeri telah berkembang dengan baiknya iaitu dengan melalui penambahan bilangan buku di peringkat negeri. Skim ini diharapkan dapat membantu menambahkan lagi pengetahuan pegawai-pegawai Lembaga di peringkat negeri dan daerah.

Kegiatan Kewangan

17. Sepanjang tahun ini, Jabatan Kewangan adalah bertanggungjawab untuk mengawasi keseluruhan perakaunan bagi 11 buah Pejabat FAMA Negeri, Pusat-Pusat Memproses Kelapa Kering, Kilang Memproses Kacang Tanah dan Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian.

18. Secara keseluruhan, mutu kerja-kerja perakaunan di peringkat Negeri dan Pusat Memproses Lembaga menunjukkan mutu yang agak baik. Bagaimanapun disebabkan oleh terdapatnya kadar yang tinggi berhubung dengan "turnover" kakitangan Jabatan ini dan kelambatan bagi mendapatkan pekerja yang sesuai, menjadikan kerja perakaunan agak lambat untuk dikemaskinikan.

19. Skim Pinjaman Perumahan disepanjang tahun ini tidak begitu mengingkat. Di akhir tahun ini hanya meningkat \$500,000 dari \$230,000 di tahun 1976.

20. Sepanjang tahun ini Skim Pinjaman Kenderaan telah meningkat kepada \$350,000 iaitu kenaikan sebanyak \$200,000 ini adalah disebabkan ramai pegawai-pegawai yang berkelayakkan untuk membuat pinjaman di bawah Skim Baru Kabinet.

Pejabat-Pejabat FAMA Negeri dan Daerah

21. Sepanjang tahun ini 3 buah Pejabat baru telah dibuka iaitu di Sibu, Miri dan Sarikei, Sarawak. Pembukaan Pejabat-Pejabat ini adalah untuk memberi perkhidmatan pemasaran kepada petani-petani di mana di Sarawak perhubungan adalah tidak memuaskan. Keseluruhan Pejabat FAMA Negeri dan Daerah pada tahun 1977 ialah 42 buah Pe-

jabat, kedudukannya adalah seperti berikut:—

Negeri	Jumlah Pejabat
Kelantan	3
Trengganu	2
Pahang	5
Johor	4
N. Sembilan/Melaka	4
Selangor	6
Perak	6
P. Pinang/S. Prai	3
Kedah/Perlis	4
Sabah	1
Sarawak	4
	<hr/>
Jumlah	<u>42</u>

22. Bilangan kakitangan di peringkat Negeri dan Daerah tidak berubah sepanjang tahun ini. Tugas yang dijalankan ialah Pemasaran, Skim Kawalan Pasaran, Kajian Projek Pembangunan, Perkembangan dan Perhubungan Am, Galakan Pasaran, Pengutipan dan Penyebaran Maklumat Pasaran kepada orang awam. Setiap Pejabat kebiasaannya menjaga 2 – 3 daerah bagi menjalankan tugas di atas.

23. Dalam tahun ini juga penumpuan telah dibuat kepada perkhidmatan mengatur pasaran di mana Lembaga membantu petani-petani menjual hasil-hasil pengeluaran mereka dengan bantuan mengatur pasaran oleh Pegawai Lembaga kepada pembeli-pembali tertentu. Di dalam perkhidmatan ini Lembaga tidak membeli atau menjual hasil-hasil pertanian tersebut, langkah begitu adalah untuk menggalakkan petani-petani supaya lebih bergiat di dalam kegiatan pemasaran hasil-hasil pertanian mereka sendiri. Walau bagaimanapun sekiranya keadaan memerlukan Lembaga akan mengambil bahagian di dalam projek perniagaan menjual-beli hasil-hasil pertanian petani-petani. Disamping itu Pejabat Negeri dan Daerah juga menjalankan perniagaan bagi bahan proses yang dikeluarkan oleh Lembaga seperti serbuk kopi untuk dipasarkan di Semenanjung Malaysia.

II. PENYELIDIKAN DAN PENYIASATAN

Kajian Kopi di Daerah Kelang dan Kuala Langat

24. Kajian mengenai harga, penggunaan harian dan keupayaan pengutip dan pemeros buah kopi. Objektif kajian ini adalah untuk mendapat maklumat tentang apakah harga yang dibayar oleh pengutip-pengutip kepada penanam-penanam kopi. Kajian ini juga mengutip data-data berkenaan dengan penggunaan harian dan keupayaan pemeros buah kopi di daerah Kelang dan Kuala Langat. Kajian ini dimulai pada bulan Januari hingga Februari, 1977.

Kajian Bekalan Kelapa Di Rengit, Johor

25. Kajian atas kemungkinan bekalan kelapa di Rengit, Johor. Tujuan kajian hanyalah hendak mendapatkan maklumat berkenaan dengan kemungkinan bekalan kelapa untuk pusat memproses kelapa kering yang akan disediakan di Rengit, Johor. Kajian ini dimulai pada awal bulan Februari hingga awal Mac, 1977.

Kajian Pengeluaran Kubis Rendah di Kelantan, Trengganu, Melaka dan Johor.

26. Kajian pengeluaran kubis rendah telah dijalankan di Negeri Kelantan, Trengganu, Melaka dan Johor secara bulanan. Objektifnya adalah untuk mengutip maklumat-maklumat tentang keluasan, pengeluaran, kos pengeluaran, jidar pemasaran dan permintaan kubis rendah.

Kajian Pemasaran dan Pengeluaran Ayam dan Telur di Kelantan

27. Penyiasatan pemasaran dan pengeluaran ayam dan telur ayam di Negeri Kelantan. Objektif penyiasatan ialah untuk mengumpul data-data seperti pengeluaran ayam dan telur ayam, masalah-masalah pemasaran dan permintaannya. Kajian ini dijalankan mulai bulan Jun dan disiapkan pada bulan September, 1977.

Penyiasatan Pengeluaran Koko Hilir Perak dan Sabak Bernam

28. Penyiasatan pengeluaran koko di Hilir Perak dan Sabak Bernam. Tujuannya ialah untuk mendapat maklumat berkenaan dengan keluasan jumlah pengeluaran dan hasil pengeluaran purata koko supaya boleh memastikan jumlah keluasan dan hasil puratanya di kedua-dua daerah. Penyiasatan ini dilaksanakan pada bulan Mac, 1977.

Penyiasatan Pemasaran Kelapa di Lahat Datu, Sabah.

29. Penyiasatan Pemasaran Kelapa di Lahat Datu, Sabah. Penyiasatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang keluasan, pengeluaran dan masalah-masalah pemasaran yang mungkin dihadapi oleh penanam-penanam. Maklumat pengeluaran kelapa adalah yang lebih penting kerana ia akan memberitahu Lembaga keadaan kemungkinan bekalan kelapa di kawasan itu. Jika didapati bekalan adalah mencukupi, sebuah pusat memproses kelapa kering mungkin disediakan dalam masa akan datang. Penyiasatan mulai dijalankan pada bulan Ogos, 1977.

Penyiasatan Pemasaran Kelapa di Kudat, Sabah.

30. Penyiasatan pemasaran kelapa telah dijalankan di Kudat, Sabah pada bulan September hingga Oktober, 1977. Tujuan penyiasatan ini adalah untuk mendapat data-data seperti keluasan, pengeluaran, hasil pengeluaran dan masalah-masalah pemasaran

yang dihadapi berkenaan dengan kelapa. Objektif utama penyiasatan ini ialah untuk memastikan samada bekalan kelapa adalah mencukupi sekiranya sebuah kilang minyak didirikan kelak.

Penyiasatan Pemasaran Kelapa di Sebangon, Sarawak

31. Penyiasatan pemasaran kelapa di Sebangon, Sarawak telah dijalankan pada bulan September, 1977. Objektifnya ialah untuk mendapat maklumat-maklumat tentang keluasan, pengeluaran dan masalah-masalah pemasaran berkenaan dengan kelapa.

Kajian Pengeluaran Kacang Tanah di Trengganu, Kelantan, Pahang, Perak dan Perlis.

32. Kajian pengeluaran kacang tanah telah dijalankan di Negeri Trengganu, Kelantan, Pahang, Perak dan Perlis. Kajian ini dijalankan selama tiga minggu dan disiapkan pada bulan November, 1977. Tujuan kajian ialah untuk mendapat data-data pengeluaran kacangtanah pada musim kedua ini.

Kajian Potensi Pasaran

33. Kajian tahunan potensi pasaran ke atas 23 jenis barangan pertanian di bawah Rancangan Buku Hijau adalah membolehkan Lembaga menasihati petani-petani dan agensi kerajaan ke atas hasil pertanian yang mempunyai potensi pasaran. Di antara hasil pertanian di bawah kajian Jabatan ini ialah jagung, ubikayu, kacangtanah, bawang, nenas, halia, tomato, kobis (tanah rendah), betik, pisang, kacang soya, bawang putih, keledak, kacang hijau, tembikai, lada dan lain-lain sayur-sayuran. Kajian ini dicetak dan diedarkan kepada orangrami.

Kutipan Harga

34. Dalam pengutipan harga yang lazim dilakukan, harga barang-barangan di peringkat ladang juga dikutip di pusat-pusat seperti Cameron Highlands, Tangkak, Kulai, Sabak Bernam, Bagan Datoh, Kuala Selangor, Banting, Batu Pahat dan lain-lain. Harga-harga borong dan runcit juga dikutip di pusat-pusat seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Melaka, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuantan, Kuala Trengganu, Kota Bharu di Semenanjung Malaysia termasuk Kuching, Sibul, Semanggang, Miri, Sarikei di Negeri Sarawak dan Kota Kinabalu di Negeri Sabah.

Kajian Maklumat-Maklumat Pasaran

35. Lembaga telah menyediakan maklumat-maklumat pasaran dan jangkaan pasaran dengan lebih teratur untuk digunakan sebagai panduan bagi memasarkan hasil-hasil keluaran pertanian. Ini meliputi kajian seperti:—

a) Lapuran Barangan Mingguan

Tujuannya ialah untuk menganalisa aliran harga bagi barangan kelapa dan hasil keluarannya, kopi, koko, sayur-sayuran, kacangtanah, biji-bijian seperti jagung, sekoi, ubikayu, kacang soya, dan copra cake. Lapuran ini disibur secara luas kepada semua Pertubuhan Peladang, pejabat-pejabat RISDA, pejabat-pejabat FELDA dan rancangan-rancangannya, KEMAS, ahli-ahli Lembaga dan badan-badan kerajaan yang lain.

b) Analisa Harga Mingguan

Analisa harga runcit mingguan bagi sayur-sayuran, kopi, koko, ayam dan telur telah disampaikan kepada RTM untuk disiarkan. Salinan ini juga dihantarkan kepada Kementerian Pertanian untuk makluman.

**c) Monthly Commodity Bulletin dan
Monthly Commodity Statistics**

Laporan ini berupa bulanan dan suku tahunan. Ianya menganalisa harga-harga di peringkat ladang, kilang, borong, runcit dan eksport. Laporan ini disebar kepada badan-badan kerajaan yang memerlukannya.

d) Panduan Pembeli

Panduan pembeli yang disediakan ialah untuk tujuan memudahkan penjual-penjual memasarkan hasil-hasil keluarannya kepada pembeli-pembeli. Senarai pembeli yang telah dikumpulkan ialah kopi, kelapa dan koko.

e) Monthly Commodity Extract

Petikan ini diterbitkan sebulan sekali. Laporan-laporan yang diambil ialah dari majalah-majalah ekonomi dalam negeri dan luar negeri untuk bahan rujukan bagi pegawai-pegawai FAMA sahaja.

III. PROJEK PEMBANGUNAN

Kemajuan Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Pusat Pemasaran Hasil-hasil Pertanian

36. Sebelas buah pusat pemasaran hasil pertanian telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam tahun 1977. Ini merupakan kenaikan dari tahun pelaksanaan tahun 1976. Tujuan perubahan pusat-pusat ini ialah untuk membantu petani-petani mengatur pemasaran keluaran mereka terutama dari Rancangan Buku Hijau, supaya memperolehi pulangan yang memuaskan. Pusat-pusat ini juga disediakan dengan kemudahan asas memproses hasil-hasil pertanian, seperti alat meracik ubi kayu, kemudahan padang jemuran dan lain-lainnya. Kedudukan projek pusat setakat ini ialah:—

a) Tanjung Karang, Selangor (1976)	— Telah siap
b) Sri Gading, Johor (1976)	— Sedang dibina
c) Batu Kurau, Perak (1976)	— Permohonan Tanah
d) Jitra, Kedah (1976)	— Permohonan Tanah
e) Kuala Kerai, Kelantan (1976)	— Permohonan Tanah
f) Pasir Putih, Kelantan (1977)	— Permohonan Tanah
g) Kuala Pilah, N. Sembilan (1977)	— Permohonan Tanah
h) Temerloh (1977)	— Permohonan Tanah
i) Beseri (1977)	— Permohonan Tanah
j) Pulau Langkawi (1977)	— Telah dibatalkan
k) Padang Terap (1977)	— Permohonan Tanah
l) Baling (1977)	— Permohonan Tanah
m) Kuala Kangsar (1977)	— Permohonan Tanah
n) Krian (1977)	— Permohonan Tanah
o) Tangkak (1977)	— Permohonan Tanah
p) Besut (1977)	— Permohonan Tanah

Pusat Memproses Kelapa Kering

37. Dua pusat memproses kelapa kering telah diluluskan untuk dilaksanakan bagi tahun 1977 iaitu di daerah Kuala Langat dan Lahat Datu. Kerja yang dijalankan dalam tahun 1977 ialah:—

a) Kuala Langat	— Penyediaan kajian kemungkinan dan permohonan tapak tanah.
b) Lahat Datu	— Penyediaan kajian kemungkinan dan permohonan tapak tanah.

Kerja-kerja pembinaan 2 buah pusat memproses kelapa kering yang dibawa ke hadapan dari Rancangan Malaysia Kedua, iaitu Pusat Memproses Kelapa Kering Sebang (Sarawak) telah bermula dalam tahun 1977 dan dijadualkan siap pada tahun 1978. Bagi Pusat Memproses Kelapa Kering Kuala Selangor pula, surat sijil segera (Certificate of Urgency) telah pun dikeluarkan oleh Pejabat Daerah bagi pembinaan di atas tapak tanah. Kerja ini dijangka akan siap pada tahun 1978.

38. Kerja awal telah pun dimulakan bagi 3 buah pusat memproses kelapa kering dari 4 buah pusat yang telah diluluskan dalam tahun 1978. Kajian kemungkinan projek telah pun disediakan bagi pusat-pusat di Melaka, Kudat dan Tumpat. Tapak tanah bagi ketiga projek ini juga sedang ditentukan.

ISI KANDUNGAN	Muka
1. PENTADBIRAN	
Ahli Lembaga.	1
Jawatan Yang Diluluskan Dalam Tahun 1977.	2
Bilangan Jawatan Kakitangan Lembaga Dalam Tahun 1977	3
Kegiatan Pentadbiran	3
Kegiatan Kewangan	4
Pejabat-Pejabat FAMA Negeri dan Daerah	4
II. PENYELIDIKAN DAN PENYIASATAN	6
Kajian Kopi Di Daerah Kelang dan Kuala Langat.	6
Kajian Bekalan Kelapa Di Rengit, Johor.	6
Kajian Pengeluaran Kubis Tanah Rendah Di Kelantan, Trengganu, Melaka dan Johor.	6
Kajian Pemasaran dan Pengeluaran Ayam dan Telur Ayam, Kelantan.	6
Penyiasatan Koko Hilir Perak dan Sabak Bernam.	6
Penyiasatan Pemasaran Kelapa Di Lahat Datu, Sabah.	
Penyiasatan Pemasaran Kelapa Di Kudat, Sabah	6
Penyiasatan Pemasaran Kelapa Di Sebangon, Sarawak.	7
Kajian Pengeluaran Kacang Tanah Di Trengganu, Kelantan, Pahang, Perak dan Perlis.	7
Kajian Potensi Pasaran.	7
Kutipan Harga.	7
Kajian Maklumat Pasaran	7
III. PROJEK PEMBANGUNAN	
Kemajuan Perlaksanaan Projek-Projek Pembangunan.	9
Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian	9

Pusat Memproses Kelapa Kering	9
Kilang Minyak Kelapa	10
Pusat Memprose Koko	10
Pusat Memproses Kerepek Pisang	10
Pusat Menggred dan Memproses Lada Hitam	10
Kemajuan Perjalanan Projek-Projek Pembangunan	10
IV. PEMASARAN	12
Projek Perniagaan	12
Kemajuan Pasaran	12
Rancangan Kawalan Pemasaran	13
Pengujudan Rancangan Kawalan Pemasaran Yang Baru.	13
V. KIRA-KIRA TAHUNAN	
Lampiran Carta Organisasi 1977	52

Kilang Minyak Kelapa

39. Kilang Minyak Kelapa Hilir Perak telah pun diluluskan dalam tahun 1976. Permohonan tapak tanah telah dibuat pada bulan Julai 1977. Kerja awal juga telah dibuat pada tahun 1977 bagi pelaksanaan projek ini.

Pusat Memproses Koko

40. Dibawah Rancangan Malaysia Kedua, Lembaga telah diluluskan untuk membina sebuah pusat memproses koko di Hilir Perak. Kajian kemungkinan bagi pembinaan projek ini telah pun disiapkan dalam tahun 1977.

Pusat Memproses Kerepek Pisang

41. Dibawah Rancangan Malaysia Ketiga, Lembaga telah di beri peruntukan membina 3 buah pusat memproses kerepek pisang di Batu Kurau, Jerantut dan Kuala Kerai. Dalam tahun 1977 ketiga kajian awal bagi projek tersebut sedang disediakan untuk dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan, bagi mendapatkan wang pinjaman pembayaran projek ini yang dijangkakan dilaksanakan dalam tahun 1978-1980.

Pusat Menggred dan Memproses Lada Hitam

42. Ketiga-tiga pusat menggred, dan memproses lada hitam di Johor Bahru, Kuching dan Sarikei adalah merupakan projek yang telah diluluskan dibawah Rancangan Malaysia Ketiga. Diakhir tahun 1977 ketiga pusat ini sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dibina diakhir tahun 1979.

Kemajuan Perjalanan Projek-Projek Pembangunan Pusat memproses Kelapa Kering, Sabak Bernam

43. Pusat ini telah menjalankan operasi perniagaan dalam bulan September 1974 dan hingga akhir tahun 1977 pusat ini telah memproses lebih 6 juta buah biji kelapa dengan perbelanjaan sebanyak \$876,000 dan telah memperingkat mutu kelapa kering lebih 7,3000 pikul dengan perbelanjaan \$350,000.

Pusat Memproses Kelapa Kering, Bagan Datoh

44. Pusat ini dibina dengan kos sebanyak \$180,000 dan mula menjalankan perniagaannya pada Mac 1975 sehingga akhir tahun 1977. Pusat ini telah memproses 2.7 juta biji kelapa bernilai \$353,000 dan telah memperingkat mutu kelapa kering kira-kira 10,000 pikul bernilai \$492,000.

Pusat Memproses Kelapa Kering, Rengit

45. Kos bagi pembinaan pusat ini ialah sebanyak \$107,000 dan mula menjalankan perniagaan pada April 1977. Sehingga akhir tahun 1977 pusat ini telah memproses 157,000 buah kelapa bernilai \$29,000 dan telah memperingkat mutu kelapa kering sebanyak 4,300 pikul bernilai \$197,000.

Pusat Memproses Kelapa Kering, Bachok

46. Pusat ini telah dibina dengan kos sebanyak \$142,000 dan mula menjalankan perniagaan pada bulan April 1977. Sehingga bulan Disember, 1977 pusat ini telah memproses

sebanyak 273,000 buah biji kelapa bernilai \$65,000 dan telah memperingkat mutu kelapa kering sebanyak \$105,000 pikul bernilai \$69,000.

Pusat Memproses Kopi, Banting

47. Pusat ini telah menjalankan perniagaannya pada bulan Jun 1973 dan pada bulan Disember 1975 pusat ini telah mengadakan kemudahan-kemudahan memproses kopi serbuk. Sehingga akhir tahun 1977, pusat ini telah memproses kira-kira 50,000 pikul biji buah kopi bernilai \$1,039,000 dan telah memperingkat mutu kopi biji sebanyak 3,800 pikul bernilai sebanyak \$856,000.

IV. PEMASARAN

Projek Perniagaan

48. Dalam tahun 1977, Lembaga dapat membeli hasil-hasil pertanian dengan nilai belian sejumlah \$1.6 juta. Pembelian ini termasuk pembelian-pembelian dibawah Projek Rancangan Buku Hijau. Hasil-hasil pertanian yang dibeli ialah kelapa, kelapa kering, kacang tanah, ubi-kayu, buah-buahan, sayur-sayuran, koko dan kopi.

49. Lembaga dalam tahun yang sama dapat mengeksport koko dan kopi kepada Negeri Jepun, Australia dan United Kingdom. Faedah yang diterima oleh petani-petani daripada projek ini adalah secara langsung dan juga secara yang tidak langsung. Faedah secara langsung merupakan harga yang berpatutan yang dibayar, dan bayaran secara wang tunai yang dibagi oleh Lembaga. Faedah secara tidak langsung yang diterima oleh petani-petani timbul dari adanya saluran pasaran pilihan oleh Lembaga dan ujudnya pertandingan antara pembeli-pembeli persendirian di peringkat pertama pembelian hasil-hasil pengeluaran pertanian. Di kawasan-kawasan di mana perkhidmatan pemasaran secara langsung oleh Lembaga dijalankan, pembeli-pembeli persendirian cenderung untuk lebih bertanding dalam pembelian hasil-hasil pengeluaran pertanian daripada petani-petani supaya dapat memastikan mereka mendapat bekalan hasil pengeluaran yang berterusan.

Kemajuan Pasaran

50. Kegiatan ini adalah untuk memajukan barangan keluaran FAMA dan memberi publisiti mengenai kemajuan dan projek-projek FAMA. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:-

i. Memajukan Barangan FAMA

Poster-poster mengenai kopi Anggerek telah disebar secara meluas kepada orang-ramai. Selain daripada itu iklan-iklan kopi itu telah dikeluarkan di suratkhobar-suratkhabar bagi negeri Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Juga, iklan kopi telah dikeluarkan di majalah-majalah. Rancangan menamakan Jenama kacang tanah telah diteruskan.

ii. Pesta-pesta Tempatan

Jabatan ini telah mengambil bahagian dalam semua pesta tempatan samada di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan. Pada tahun 1977, FAMA telah mengambil bahagian dalam sebanyak 20 pesta.

iii. Risalah Buah-Buahan

Jabatan ini telah mengeluarkan risalah-risalah kemajuan pasaran seperti betik, pisang dan tembikai.

iv. Pamiran Luar Negeri dan Rombongan Perdagangan

Dalam tahun 1977 FAMA telah mengambil bahagian dalam Pamiran Perdagangan Antarabangsa di Brussels, Libya, Iran dan Saudi Arabia. Sementara itu, rombongan perdagangan yang diikuti ialah ke Negeri Australia dan Jepun. Di sini FAMA telah memajukan barangan yang dibawah tanggungjawabnya dan juga barangan firma-firma yang memerlukan dimajukan. Contoh-contoh telah dibahagi-bahagikan dan juga risalah-risalah barangan yang dimajukan.

Rancangan Kawalan Pemasaran

51. Dalam tahun 1977 Rancangan Kawalan Pemasaran yang telah dikuatkuasakan ialah kopi dalam Negeri Selangor, buah kelapa dan kelapa kering dalam Negeri Perak, Kelantan, Trengganu dan Pulau Pinang, sayur didalam kawasan yang tertentu dalam Negeri Johor dan Lada Hitam di Sarawak dan Johor. Rancangan Kawalan Pemasaran Lada Hitam di bawah tanggungjawab Lembaga Pemasaran Lada Hitam.

52. Tujuan utama Rancangan-rancangan Kawalan Pemasaran ini ialah untuk mengurangkan amalan-amalan curang di kalangan peniaga-peniaga hasil-hasil keluaran ini dan menghendaki mereka mengamalkan amalan-amalan yang adil dan memuaskan melalui perlesenan dan kawalan dan pengawasan urusan mereka yang berkaitan dengan penggunaan alat timbang dengan betul, urusan dengan resit, bayaran secara tunai, penghantaran keterangan urusan kepada FAMA dan mempamer papantanda harga menunjukkan harga belian atau jualan (jika peniaga sayur.)

53. Selain daripada amalan-amalan pemasaran yang adil, Rancangan Pemasaran Lada Hitam juga bertujuan mengawal gred lada hitam untuk pasaran eksport bagi memajukan jualan lada hitam Malaysia dipasaran luar negeri dan untuk memelihara dan meninggikan nama baik Malaysia sebagai pengeksport lada hitam yang bermutu dipasaran dunia.

54. Rancangan Kawalan Pemasaran Sayur di Negeri Johor juga bertujuan untuk memastikan bekalan sayur yang cukup kepada pengguna-pengguna di Johor Bahru dengan harga yang berpatutan.

55. Dalam tahun 1977, sejumlah 269 peniaga kopi, termasuk 162 pemeroses telah dilesen oleh Lembaga. Bagi buah kelapa dan kelapa kering bilangannya ialah 744. Bilangan peniaga sayur yang dilesen ialah 363 orang. Untuk Rancangan Pemasaran Lada Hitam ada seramai 54 pelesen dalam tahun 1977.

56. Kerja-kerja menguatkuasa rancangan-rancangan ini telah diteruskan dalam tahun 1977 bagi memastikan pelesen-pelesen mematuhi syarat-syarat lesen dan peruntukan-peruntukan rancangan tersebut. Beberapa orang peniaga tanpa lesen telah diberi amaran dan telah memohon untuk mendapatkan lesennya. Kejadian-kejadian seperti ini berlaku di Negeri Perak dan Trengganu tentang lesen buah kelapa dan kelapa kering.

Pengujudan Rancangan Kawalan Pemasaran Yang Baru

Skim Kawalan Kacangtanah

57. Peraturan bagi Skim Kawalan Pemasaran Kacangtanah telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga dan skim ini akan dikemukakan kepada Kementerian untuk perlaksanaan, skim ini mengadakan Skim Pelesenan kepada pembeli-pembeli kacangtanah supaya membolehkan Lembaga mengawasi kegiatan perniagaan pembeli-pembeli kacangtanah dengan tujuan mengurangkan kegiatan curang dalam pasaran. Skim pelesenan ini kebanyakannya akan dilaksanakan di Negeri Kelantan, Trengganu dan Perak.

Skim Kawalan Sayur-Sayuran

58. Skim kawalan pemasaran sayur-sayuran telah dilaksanakan pada 1hb. Mei, 1975, di Johor. Peringkat awal skim ini meliputi pelesenan kepada pembeli-pembeli sayur-sayuran dengan tujuan mengawasi kegiatan perniagaannya. Perlaksanaan skim ini ber-

terusan dalam tahun 1976 dan 1977 dengan penumpuan kegiatan pemborongan di Tampoi. Skim ini diperluaskan kepada kawalan pengeksportan sayur-sayuran dari beberapa kawasan tertentu supaya menjamin harga sayur-sayuran di Johor Bahru memuaskan. Lembaga juga menjalankan kajian samada skim ini diperluaskan dikawasan yang lain di Negeri Johor.

Skim Kawalan Pasaran Buah-Buahan

59. "Draft" skim ini telahpun disediakan bagi melesen dan mengawal pembeli-pembeli buah-buahan di Semenanjung Malaysia. Pada peringkat permulaan skim ini hanya meliputi negeri-negeri pengeluaran buah-buahan utama seperti di negeri Perak dan Johor.

Jawatankuasa Penasihat Pemasaran Sayur-Sayuran

60. Lembaga telah memberi perkhidmatan didalam Jawatankuasa Penasihat Pemasaran Sayur-sayuran dengan menyediakan kertas Kerja Buah-buahan, keatas qota impot bagi kobis di Semenanjung. Cadangan-cadangan jawatankuasa ini akan dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk panduan seterusnya keatas jumlah qota kobis bulanan.

Skim Kawalan Pasaran

61. Cadangan peraturan skim kawalan pemasaran koko telahpun diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara dan Lembaga telahpun meluluskan untuk dilaksanakannya. Skim ini akan dikemukakan kepada Y.B. Menteri Pertanian untuk pengeluasannya dan diwartakan bagi pelaksanaan dalam tahun 1978. Kawalan pemasaran ini membolehkan Lembaga bagi melesen kesemua pembeli-pembeli yang mempunyai hubungan dengan pemasaran biji koko. Samada dalam bentuk mentah atau yang telah diproses, supaya menjamin kegiatan pemasaran yang dilakukannya adalah adil terhadap petani-petani koko. Skim ini akan meliputi negeri Johor, Selangor, Perak dan Pulau Pinang/Province Wellesley.

KIRA-KIRA TAHUNAN

Kira-kira Lembaga yang telah dioditkan bersama-sama ini.

t.t.
Datuk Ishak bin Hj Pateh Akhir,
Pengerusi
Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan.

t.t.
Abdul Rahman bin Yusuf,
Timbalan Pengerusi
Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan.

LAPORAN KETUA ODIT NEGARA MENGENAI KIRA-KIRA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1977

Kunci Kira-Kira Yang Disatukan dan Kira-kira serta Nota-nota kepada Kira-kira yang berkembar ini telah diperiksa di bawah arahan saya mengikut Akta Odit, 1957. Semua kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapati.

Tertakluk kepada pemerhatian-pemerhatian yang berikut, pada pendapat saya Kunci Kira-kira Yang Disatukan dan Kira-kira serta Nota-nota terhadapnya telah diperbuat dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan pada 31 Disember 1977 dan urusan-urusan berkaitan dengannya bagi tahun berakhir pada tarikh itu.

PENYERAHAN KIRA-KIRA

2. Draf Penyata Kira-kira bagi tahun berakhir 31 Disember 1977 berserta dengan jadual-jadual yang berkenaan telah diserahkan pada kali pertamanya kepada pihak saya dalam bulan April 1981. Penyata Kira-kira ini setelah di periksa dan disemak perlu lagi dipinda untuk diperbetulkan kerana masih terdapat kesilapan dan ketinggalan. Penyata Kira-kira yang muktamad bagi tahun berakhir 31 Disember 1977 telah diserahkan kepada pihak saya hanya dalam bulan Jun 1982.

KAWALAN DALAM

3. Seperti yang dinyatakan di perenggan 12 Laporan Odit lalu, kawalan dan penyelesaian atas urusan-urusan kewangan dan perakaunan pada amnya adalah kurang memuaskan. Masalah-masalah pengesahan perbelanjaan, pendapatan dan penerimaan timbul disebabkan sebahagian rekod-rekod atau dokumen-dokumen penyokong tidak dikemukakan untuk diodit. Perbelanjaan berjumlah \$34,206 bagi 4 pejabat tidak disokong dengan resit atau akuan penerimaan, dan perbelanjaan sejumlah \$16,333 bagi 2 pejabat tidak disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Inbois-inbois berjumlah \$32,887 bagi satu pejabat dan resit-resit berjumlah \$19,254 bagi dua pejabat tidak dikemukakan untuk diodit. Juga disatu pejabat, resit tidak dikeluarkan untuk penerimaan sebanyak \$3,072. Buku stok untuk mengawal penerimaan dan pengeluaran borang resit atau lesen tidak diselenggarakan dengan memuaskan di dua pejabat. Tambahan pula buku stok untuk bahan-bahan mentah dan barang-barang di 2 pejabat tidak diselenggarakan dan di satu pejabat lagi tidak diselenggarakan dengan memuaskan. Beberapa perbelanjaan yang tidak selaras dengan peraturan-peraturan Kerajaan telah dilakukan. Walaupun pemerhatian-pemerhatian odit telah dikeluarkan atas perkara-perkara yang tersebut di atas, dalam beberapa kes saya masih belum menerima jawapan-jawapan daripada pihak Lembaga.

KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN

HARTA TETAP

Pusat-pusat Memproses – \$977,685.19

4. Jumlah \$977,685 ini ialah nilai harga bersih bagi semua harta tetap di 6 Pusat-pusat Memproses Lembaga. Walau bagaimanapun, daftar harta tetap tidak diselenggarakan di 2 Pusat-pusat Memproses Lembaga bagi harta tetap berjumlah \$294,826 (Kos) Terbit daripada ini saya tidak dapat mengesahkan kebetulan nilai harga dan ketentuan tempat harta-harta tersebut.

Tanah – \$90,216.80 (nota 1)

5. Saya masih belum melihat surat-surat hakmilik untuk tanah-tanah di Banting, Sabak Bernam, Bagan Datoh, Pasir Mas, Bachok dan Rengit yang perbelanjaannya berjumlah \$90,217. Oleh itu saya tidak dapat mengesahkan bahawa tanah-tanah itu sebenarnya hakmilik Lembaga. Walau bagaimanapun pihak FAMA sedang dalam proses untuk memperolehi surat-surat hakmilik daripada Pejabat-pejabat Tanah yang berkenaan.

Si berhutang Pelbagai – \$2,521,206.04

6. Termasuk dalam jumlah \$2,521,206 ini ialah \$1.8 juta yang telah diberi kepada Jemaah Pemasaran Lada Hitam sebagai pendahuluan bagi maksud pembangunan sementara menunggu wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Walaupun demikian, pendahuluan itu masih belum dibayar balik oleh Jemaah itu sehingga sekarang oleh kerana perundingan bagi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan masih belum diselesaikan. Juga, dari jumlah \$2,521,206 ini, tidak kurang daripada \$52,586 adalah terdiri daripada hutang-hutang lama yang tidak bergerak semenjak tahun 1975. Pihak Lembaga patut mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk memungut hutang-hutang itu atau menimbangkan jika peruntukkan untuk hutang ragu perlu disediakan.

Si berhutang Pendahuluan – \$84,503.19

7. Dari jumlah \$84,503 ini tidak kurang daripada \$50,800 adalah hutang-hutang yang tidak bergerak semenjak tahun 1975. Pihak Lembaga patut mengambil tindakan yang positif dan sesuai untuk memungut hutang-hutang itu.

Akaun Tergantung – \$23,896.86 (Nota 5)

8. Seperti yang diterangkan dalam Nota 5 kepada Nota-nota kepada Akaun-akaun, jumlah \$23,896 ini terdiri daripada kekurangan-kekurangan wang tunai sebanyak \$19,428 dalam tahun 1974 dan \$4,468 dalam tahun 1975. Juga menurut Nota 5 itu kekurangan wang tunai sebenar bagi tahun 1974 ialah \$3,554 dan bukan \$19,428 iaitu perbezaan sebanyak \$15,874. Walaupun demikian, saya masih belum diberitahu bagaimanakah pihak Lembaga akan menyelesaikan perbezaan sebanyak \$15,874 itu. Juga kekurangan sebenar bagi tahun 1974 sebanyak \$3,554 dan kekurangan \$4,468 bagi tahun 1975 seperti yang dinyatakan dalam Nota 5 itu masih belum dipungut daripada pegawai-pegawai yang berkenaan sehingga kini.

TANGGUNGAN

Kumpulan Wang Perniagaan

Kerugian Terkumpul – \$929,201.05

9. Kira-kira Untung dan Rugi Kumpulan Wang Perniagaan bagi tahun 1977 menunjukkan keuntungan bersih sebanyak \$60,166 berbanding dengan kerugian kasar sebanyak \$24,271 dalam tahun 1976. Terbit daripada ini kerugian terkumpul sebanyak \$989,367 pada akhir tahun 1976 telah dikurangkan kepada \$929,201 pada tahun 1977. Oleh yang demikian, baki daripada \$1 juta yang telah diuntukkan oleh Lembaga untuk menjalankan aktiviti ini ialah \$70,799. Keuntungan sebanyak \$60,166 bagi tahun 1977 timbul khususnya kerana sebanyak \$46,899 yang merupakan hutang lapuk yang terlebih diuntukkan dalam tahun lepas telah diambilkira sebagai pendapatan dalam tahun ini. Tindakan perlulah diambil untuk mengkaji semula aktiviti perniagaan ini supaya kedudukan kewangan dapat diperbaiki.

Pusat-pusat Memproses

Kerugian Terkumpul – \$613,156.36

10. Lima daripada enam pusat memproses FAMA, termasuk dua pusat yang telah dimulakan operasi dalam tahun 1977, telah mengalami kerugian sebanyak \$235,782 dalam tahun 1977 manakala satu lagi memperolehi keuntungan sebanyak \$36,632. Terbit daripada ini kerugian terkumpul sebanyak \$414,006 pada akhir tahun 1976 telah meningkat kepada \$613,156 pada akhir tahun ini. Tindakan perlu diambil oleh pihak Lembaga untuk mengkaji semula aktiviti ini dengan menyemak semula pengurusan pusat-pusat memproses itu dan polisi menetapkan harga-harga belian dan jualan untuk memperbaiki kedudukan kewangan pusat-pusat memproses itu.

Kumpulan Wang Perumahan – \$539,485.03

11. Jumlah \$539,485 adalah terdiri daripada \$530,000 yang diterima sebagai pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud ini dan \$9,485 yang telah dipungut sebagai faedah pinjaman. Pinjaman sebanyak \$530,000 itu patutlah ditunjukkan dalam Kunci Kira-kira sebagai pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dan faedah pinjaman sebanyak \$9,485 patutlah diambilkira sebagai pendapatan Kumpulanwang Biasa. Juga baki pinjaman perumahan sebanyak \$616,921 yang telah diberi kepada kakitangan Lembaga telah melebihi baki \$539,485 Kumpulanwang ini dengan sebanyak \$77,436 pada akhir tahun 1977.

KUMPULAN WANG PERNIAGAAN PENYATA UNTUNG DAN RUGI

Perbelanjaan

Faedah Diterima – (\$11,255.80)

12. Jumlah sebanyak \$11,256 ini merupakan bayaran faedah yang dipotong daripada bayaran-bayaran balik yang dibuat oleh seorang siberhutang dalam tahun 1977. Cara seperti ini untuk mengenakan faedah adalah tidak selaras dengan amalan biasa mengenakan faedah atas baki hutang. Saya masih belum melihat polisi Lembaga atas perkara ini dan tidak tahu mengapakah faedah tidak diterima daripada si berhutang si berhutang yang lain.

**PUSAT MEMPROSES KELAPA KERING (FAMA) RENGIT
KUNCI KIRA-KIRA**

Kerugian Kebakaran – S28,806.83

13. Jumlah \$28,807 ini ialah nilai bahagian rumah salai Pusat Memproses Kelapa Kering Rengit yang telah terbakar pada 5 Julai 1977. Pusat Memproses Kelapa Kering Rengit telah di bina dalam tahun 1976 dan mulai operasinya pada 1 Mac 1977. Adalah menjadi amalan biasa pihak FAMA mendapatkan insuran bagi stok dan bangunannya. Walau bagaimanapun dalam kes ini, insuran tidak diambil oleh pihak FAMA sehingga tarikh kebakaran, iaitu 4 bulan selepas permulaan operasinya disebabkan terputusnya komunikasi. Juga menurut laporan atas kebakaran itu, Pusat itu tidak mempunyai kelengkapan untuk mengatasi kebakaran dan salai itu tidak mempunyai meter suhu sebagai langkah pencegahan api dan keselamatan. Terbit daripada kelewatan untuk mendapatkan insuran untuk bangunan dan stoknya dan ketiadaan kemudahan pencegah api pihak FAMA telah mengalami kerugian sebanyak \$28,807 yang merupakan nilai bahagian rumah salai dan \$3,084 yang terdiri dari bahan stok yang terbakar. Juga saya masih belum melihat kelulusan Lembaga untuk menghapuskira nilai bangunan sebanyak \$28,807 dan stok sebanyak \$3,084 itu dalam kira-kira FAMA.

(Lee Siew Kuan)
b.p. KETUA ODIT NEGARA

KUALA LUMPUR,
4 Ogos 1982.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

**KUNCI KIRA-KIRA KUMPULAN WANG BIASA, KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN, KUMPULAN WANG
PERNIAGAAN DAN PUSAT-PUSAT MEMPROSES DISATUKAN PADA 31HB DISEMBER, 1977**

1976		
	KUMPULAN WANG TERKUMPUL	
	Kumpulan Wang Biasa	
297,756.47	Baki pada 1.1.1977	444,561.24
-	Tolak Pindahan ke Kumpulan Wang Pusingan Kenderaan	200,000.00
297,756.47		244,561.24
(146,804.77)	Tolak Perbelanjaan Melebihi Pendapatan	14,550.19
444,561.24		230,011.05
51.75	Campur: Projek Dalam Perlaksanaan	51,674.20
444,612.99		281,685.25
6,290,858.63	Kumpulan Wang Pembangunan	6,886,596.55
	Kumpulan Wang Perniagaan	
1,000,000.00	Wang Pusingan	1,000,000.00
989,367.19	Tolak: Kerugian Terkumpul	929,201.05
10,632.81		70,798.95
	Pusat-Pusat Memproses	
822,723.41	Modal (Nota 6)	1,105,856.41
414,006.30	Tolak: Kerugian Terkumpul	613,156.36
408,717.11		492,700.05
232,213.63	Campur: Projek Dalam Perlaksanaan	47,355.50
640,930.74		540,055.55
80,555.54	Kumpulan Wang Perumahan	539,485.03
250,000.00	Kumpulan Wang Kenderaan	450,000.00
	TANGGUNGAN SEMASA	
814,868.49	Sipiutang Pelbagai & Akruai	781,644.33
248,921.25	Overdraf Bank	144,263.69
76,000.00	Modal Equity dari Persatuan Peladang Negeri Kelantan Untuk Projek Kacang Tanah (Nota 7)	76,000.00
1,890.30	Cagaran Tender	6,190.00
1,141,680.04		1,008,098.02
\$8,859,270.75		M\$9,776,719.35 M\$9,776,719.35

(ABU BAKAR B. ABDUL HAMID)
PENGARAH
BAHAGIAN PENTADBIRAN, KEWANGAN & KEJURUTERAAN
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
MALAYSIA

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

**KUNCI KIRA-KIRA KUMPULAN WANG BIASA, KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN, KUMPULAN WANG
PERNIAGAAN DAN PUSAT-PUSAT MEMPROSES DISATUKAN PADA 31HB DISEMBER, 1977**

	Kos	Susutnilai Terkumpul	
HARTA TETAP (Nota 1)			
Kumpulan Wang Pembangunan	221,072.83	117,884.34	103,188.49
Kumpulan Wang Biasa	515,103.46	406,885.60	108,217.86
Kumpulan Wang Perniagaan	69,548.67	31,233.97	38,314.70
Pusat-Pusat Memproses	1,098,035.40	120,350.21	977,685.19
	\$1,903,760.36	\$676,354.12	1,227,406.24
PERBELANJAAN MODAL ATAS PROJEK-PROJEK BELUM SIAP (Nota 2)			
Pusat Memproses Kelapa Kering – Bachok	–	–	
Pusat Memproses Kelapa Kering – Rengit	–	–	
